

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B.**

**TARIKH : 23.11.2015**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) apakah pencapaian yang diperoleh dalam Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) hasil kerjasama tujuh Kementerian; dan
- (b) apakah perkembangan terkini Kolej Vokasional (KV) daripada segi bilangan dan pencapaian pelajar serta pengiktirafannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan program Kolej Vokasional (KV) di Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Program KV di ILKA dilaksanakan berdasarkan konsep kolaboratif iaitu perkongsian prasarana, peralatan dan sumber manusia yang terdapat di ILKA milik Kementerian lain. KPM telah mendapatkan kerjasama pelbagai ILKA dari pelbagai Kementerian lain untuk membantu menyediakan tempat bagi murid lepasan PT3 melalui Strategi Lautan Biru Negara (*National Blue Ocean Strategy-NBOS*). Sehingga kini program KV telah dilaksanakan di 14 Institut Latihan Perindustrian (ILP) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), 2 buah Pusat

Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), 2 buah Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm) dan 237 GIATMARA seluruh negara di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan akan diperluaskan di ILKA yang lain pada masa hadapan.

- (b) Dalam tempoh empat (4) tahun pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional melalui Kolej Vokasional (KV), banyak perkembangan yang boleh dibanggakan, antaranya:
- i. Semua program yang dilaksanakan di 15 buah kolej vokasional rintis sudah mendapat akreditasi MQA.
  - ii. Bilangan pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian peringkat Diploma Vokasional Malaysia telah meningkat daripada 83.6 peratus pada tahun 2014 kepada 87.9 peratus pada tahun 2015.
  - iii. Seorang pelajar Kolej Vokasional Arau, Perlis iaitu Mohd Yusri bin Rashidi telah berjaya mewakili Malaysia dalam *WorldSkill Competition 2015 (WSC)*, di Sao Paulo, Brazil pada bulan Ogos 2015, dalam bidang Teknologi Automotif.
  - iv. Program yang ditawarkan di kolej vokasional juga telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran dan *The Welding Institute (TWI)*, London, UK.

**SOALAN ( 21 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2015  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [ TANJONG KARANG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perbezaan peranan Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) berbanding Perbadanan Pengurusan Perumahan Awan Negara (3PAN) bagi menjalankan penyelenggaraan semua Projek Perumahan Rakyat (PPR).

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) merupakan program membaik pulih dan menyelenggara bangunan bagi perumahan berstrata kos rendah dan sederhana rendah swasta.

Program ini berperanan membantu pihak pengurusan rumah kos rendah dan sederhana rendah swasta membaik pulih perumahan mereka dengan kaedah pembiayaan menggunakan kadar *matching grant* 90:10 bagi kos rendah swasta (90% kos dibiayai oleh TP1M, 10% oleh MC/JMB) dan 70:30 bagi kos sederhana rendah swasta (70% kos dibiayai oleh TP1M, 30% oleh MC/JMB).

Skop program merangkumi kerja membaik pulih / menyelenggara lif, tangki air dan sistem retikulasi, paip sanitari, bumbung, tangga dan *handrail*, mengecat bangunan, pendawaian semula serta membaik pulih kerosakan am yang melibatkan harta bersama.

Manakala, peranan dan fungsi Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) pula adalah seperti berikut:

- (i) menguruskan penjualan, penyewaan, penyenggaraan, kawalan keselamatan aset, auditan pengisian, kutipan dan penjualan perumahan PPR di seluruh negara;
- (ii) melaksanakan pembangunan semula perumahan awam Persekutuan;
- (iii) mengurus dan mempromosi program-program perumahan awam seperti Rumah Transit 1Malaysia dan MyHome;
- (iv) bertindak sebagai agen kawal selia dalam proses pindah milik dan pemantauan moratorium;
- (v) menyediakan skim pembiayaan penyewaan atau pemilikan perumahan awam kepada golongan yang layak; dan

- (vi) sebagai pelaksana kepada Program Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Perumahan Bandar.

Oleh itu, semua aktiviti berkaitan dasar, pelaksanaan dan pengurusan TP1M dan Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) diuruskan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala 3PAN akan mengambil peranan dalam pengurusan perolehan bagi kedua-dua program tersebut.